



FIM ASIA
SUPERMOTO
CHAMPIONSHIP 2018



SIARAN MEDIA

FOR IMMEDIATE RELEASE

Thailand menjadi pusingan pembuka tirai untuk Kejuaraan SuperMoto FIM Asia 2018

Musim 2018 termasuk pusingan di Filipina, Indonesia, Singapura, Malaysia

Kuala Lumpur, 30 Julai 2018 – Kejuaraan SuperMoto FIM Asia yang dinanti-nantikan kembali pada tahun ini dengan litar Nakhonchaisri Thailand menjadi pusingan pembuka tirai musim 2018. Dijadualkan dari 11 hingga 13 Ogos 2018, pusingan di Thailand ini akan memulakan musim ketiga Kejuaraan dengan barisan pelumba antarabangsa dan pengeluar motosikal terunggul bersedia untuk bersaing pada musim ini.

Berikutan pusingan pertama di Thailand, Kejuaraan SuperMoto FIM Asia 2018 akan beraksi di Quirino Grandstand, Manila di Filipina dari 7 hingga 9 September untuk pusingan kedua. Pusingan ketiga akan berlangsung di Kota Kupang, Nusa Tenggara Timur di Indonesia dari 26 hingga 28 Oktober sebelum ke Litar KF1 di Kranji, Singapura untuk pusingan keempat dari 23 hingga 25 November. Pusingan terakhir musim ini akan diadakan di Malaysia dari 30 November hingga 2 Disember.

Edisi ketiga Kejuaraan ini juga akan menyaksikan penyertaan pelumba dari Asia dan Eropah, termasuk Mohammad Khairi Zakaria dan Muhammad Habbibullah Saleh dari Malaysia bersama pencabar Jepun, Makoto Arai dan Pedro Wuner dari Indonesia untuk saingan juara keseluruhan Kejuaraan SuperMoto FIM Asia. Sementara itu, musim 2018 akan turut menyaksikan saingan antara pelumba ranking keempat di dunia dari Denmark, Simon Vilhelmsen dan juara bertahan 2017, bintang SuperMoto dari Britain, Lewis Cornish untuk gelaran Pelumba Antarabangsa Terbaik, Selain dari saingan untuk juara keseluruhan, musim 2018 akan juga buat pertama kali menawarkan pelumba peluang untuk bertanding untuk sebahagian dari hadiah wang berjumlah USD \$ 70,000.

"Selepas kejayaan musim 2017, Kejuaraan SuperMoto FIM Asia akan kembali untuk musim ketiga pada 2018. Kami amat teruja kerana musim ini bakal menyaksikan aksi yang lebih kompetitif dengan kehadiran beberapa pelumba terbaik di dunia yang bersedia untuk bersaing untuk mengambil gelaran juara pada tahun ini. Melalui pertumbuhan dan minat untuk kejuaraan ini yang semakin berkembang, khususnya di rantau ini, kami yakin bahawa para peminat dapat menyaksikan musim yang lebih menyeronokkan dan penuh aksi di 2018!" Kata Andrew Ching, Ketua Pegawai Eksekutif E-Plus Global Sdn Bhd, penganjur dan promoter Kejuaraan SuperMoto FIM Asia.

Peminat juga boleh menyaksikan aksi dari kesemua pusingan musim Kejuaraan SuperMoto FIM Asia 2018 secara langsung melalui rakan kongsi saluran OTT, twenty3.tv dan twowheels.tv. Maklumat lanjut mengenai FIM Asia SuperMoto Championship boleh diperolehi melalui laman sesawang kejuaraan www.supermotoasia.com dan www.facebook.com/FIMAsiaSupermoto

Jadual Kejuaraan SuperMoto FIM Asia 2018

Pusingan 1	11 - 13 Ogos	Thailand Circuit, Nakhonchaisri (Thailand)
Pusingan 2	7 - 9 September	Quirino Grandstand, Manila (Philippines)
Pusingan 3	26 - 28 Oktober	Kota Kupang, Nusa Tenggara Timur (Indonesia)
Pusingan 4	23 - 25 November	Litar KF1, Kranji (Singapore)
Pusingan 5	30 November - 2 Disember	Kuala Lumpur (Malaysia)

E-Plus Global Sdn Bhd (1139493-T)

B806 Block B Kelana Square, No 17 Jalan SS7/26 Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

www.eplusglobal.com



FIM ASIA
SUPERMOTO
CHAMPIONSHIP 2018



Kejohanan FIM Asia SuperMoto 2018 dipromosikan dan dianjurkan oleh E-Plus Global Sdn. Bhd., dan disahkan oleh Fédération Internationale de Motocyclisme (FIM) dengan sokongan dari Persekutuan Kelab Sukan Motor Thailand (FMSCT), Persatuan Keselamatan dan Sukan Motosikal Kebangsaan (NAMSSA), Ikatan Motor Indonesia (IMI), Motor Sports Singapore (MSS) dan Persatuan Automobil Malaysia (AAM).

Dikeluarkan oleh

E-Plus Global Sdn Bhd

B806 Block B, Kelana Square, No. 17 Jalan SS7/27, Kelana Jaya, 47301
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

For all media inquiries, please contact:

Farah Aziz | E-Plus Entertainment Productions (M) Sdn Bhd | +603 7491 9233 (Hunting Line) | +6012 398 1145 (M) | farah@eplusglobal.com | farahaziz99@gmx.com

ABOUT THE FIM ASIA SUPERMOTO CHAMPIONSHIP

Launched in 2016, the FIM Asia SuperMoto Championship enters its third season in 2018 with five rounds in Thailand, Philippines, Indonesia, Singapore and Malaysia. Featuring riders who will compete on a track that alternates between off-road hard-packed dirt track, motocross-style obstacles and paved road-racing asphalt tarmac. Growing from strength to strength since its inception, the Championship remains single-minded in its objective toward the continued development and growth of SuperMoto in the region in addition to contributing to the active promotion of motorsports in Asia.

ABOUT E-PLUS GLOBAL SDN BHD

Incorporated in 2004, E-Plus Global Sdn Bhd is a full-fledged one-stop event management company. The multi award-winning agency is the brainchild of a dynamic and creative team that provides innovative and creative ideas in both planning and executing events for clients, both locally and internationally.

Recognised as one of the top and more experienced events management agencies in the region, the company continually seeks to elevate industry practices through its unique, creative and innovative ideas. In recent years, it has expanded operations to five other countries in the region and currently operates in Hong Kong, Indonesia, Malaysia, Philippines, Singapore, and Thailand.

www.eplusglobal.com